

Perpaduan Anak Negeri (PAN) Sabah - Native Solidarity of Sabah

P O Box 423, 89507 Penampang, Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia.

PRESS STATEMENT

Embargo: Please do not use before 1.00 p.m 12 April 2014 Saturday.

Kita berkumpul di Pitas pada hari ini, di daerah yang paling miskin di Malaysia, untuk Mamangkis. Mamangkis ini adalah laungan perang nenek moyang kita setiap kali musuh mencero boh masuk dan cuba untuk mencabuli hak kesulungan kita. Tetapi pada hari ini apabila kita Mamangkis, kita memohon kepada Allah kita yang maha kuasa untuk campur tangan di dalam ketidakadilan yang telah diperlakukan ke atas orang-orang kita iaitu Anak-Anak Negeri di Sabah.

Khususnya, para pelampau agama yang datang pada awal tahun ini di Pitas telah menggunakan tipu helah untuk memperdayakan saudara dan saudari kita yang tidak bersalah dan buta huruf untuk memeluk agama Islam. Tiga bulan sudah berlalu sejak perbuatan yang memalukan ini. Walaupun laporan polis telah dibuat ke atas mereka, tidak ada tindakan yang konkrit di ambil. Ini menyebabkan kita membuat andaian bahawa kumpulan pelampau ini seakan-akan menerima perlindungan dan sokongan daripada mereka yang berkuasa. Perbuatan yang tidak adil dan pembohongan ini telah mengancam keamanan dan keharmonian antara agama yang telah lama dinikmati di Sabah.

Di dalam Islam, seseorang yang ingin memeluk agama itu harus melakukannya dengan penuh kefahaman dan dengan kerelaan hati. Oleh itu, pengislaman secara besar-besaran dengan cara penipuan itu adalah tidak sah.

Walau bagaimanapun, kami menuntut supaya pengislaman besar-besaran dengan cara penipuan ini dibatalkan oleh pihak yang berkuasa tanpa berlengah-lengah lagi. Kita tidak dapat berdepan dengan “kuasa yang besar” ini bersendirian. Namun kita tidak perlu takut kerana di dalam Mamangkis kita hari ini kita memohon kepada Allah kita yang maha kuasa. Firman Allah mengatakan, “Bukan dengan Keperkasaan dan bukan dengan kekuatan, melainkan dengan roh-Ku” (Zakharia 4:6).

Pelampau-pelampau ini telah mengambil kesempatan keatas orang-orang kita yang buta huruf dan yang sangat miskin dengan memperdayakan sesetengah daripada mereka untuk mempercayai bahawa mereka datang membawa bantuan-bantuan kebajikan daripada Kerajaan. Ada yang telah menerima ‘bantuan kebajikan’ itu dan di minta untuk menandatangani satu dokumen. Ia adalah satu tipu helah. Sekarang dokumen ini akan digunakan sebagai ‘bukti’ keatas kamu yang mana menyatakan bahawa kamu telah bersetuju untuk memeluk agama Islam.

Pada masa yang sama kita harus mengingatkan diri kita sendiri apa yang telah diajar di Yeremia 7:23: “Dengarkanlah suara-Ku, maka Aku akan menjadi Allahmu dan kamu akan menjadi umat-Ku, dan ikutilah seluruh jalan yang Kuperintahkan kepadamu”. Oleh itu, janganlah kita dibutakan oleh kebodohan dan manfaat sementara yang ditawarkan oleh dunia ini dan oleh tipu helah manusia!

Kami tahu bahawa kamu telah diperdayakan untuk memeluk agama Islam. Tetapi kamu masih terus mengakui, mengisytiharkan dan menyembah Yesus Kristus sebagai Anak Allah dan sebagai Tuhan dan Juruselamat kamu, yang mana menjadi bukti bahawa kamu masih mengamalkan kepercayaan Kristian.

Apabila kita Mamangkis untuk mempertahankan hak-hak yang diberikan oleh Allah untuk kita, kita juga diingatkan untuk kembali kepada Allah dengan taat dan berjalan seiring dengan Tuhan Yesus. Kita perlu memperbetulkan diri kita di hadapan Allah sebelum kita Mamangkis. Kita harus dengan kerendahan hati bertaubat dan kembali kepada kasih pertama kita untuk Tuhan Yesus Kristus. Di dalam doa kita, kita juga harus ingat kepada saudara dan saudari Islam kita yang ikhlas. Kita juga harus berdoa untuk mereka, supaya kita boleh hidup aman dan harmoni bersama.

Di dalam Mamangkis kita hari ini mari kita memohon kepada Allah kita yang Maha Kuasa supaya segala ketidakadilan akan diperbetulkan. Contohnya, Anak-Anak Negeri Sabah yang mempunyai bin ataupun binti pada nama mereka secara automatik disenaraikan sebagai orang Islam di dalam Mykad mereka oleh JPN ataupun Jabatan Pendaftaran Negara dengan alasan ia adalah menurut polisi. Ini merupakan pengislaman Bumiputera Kristian di Sabah menggunakan Mykad oleh Putrajaya.

Aduan telah dibuat kepada JPN mengenai pengislaman melalui Mykad ini tetapi pengadu telah diberitahu untuk pergi ke Mahkamah Syariah untuk mendapatkan pengesahan bahawa mereka bukan orang Islam tetapi orang Kristian. Dengan meminta seorang Kristian untuk menghadap Mahkamah Syariah bukan sahaja merupakan satu penghinaan tetapi juga satu pencabulan ke atas hak kebebasan agama kami yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian 20 Perkara. Namun pada hari ini kita Mamangkis dan memohon kepada mahkamah Allah kita yang Maha Kuasa.

Anak-anak kita juga di dalam bahaya kerana pelampau-pelampau ini yang kegiatan mereka diketahui sepenuhnya dan yang mendapat persetujuan kerajaan sendiri juga sedang mengislamkan anak-anak kita seawal peringkat Taska dan Tadika sehinggalah ke sekolah-sekolah berasrama penuh dan kolej melalui cara-cara ancaman, penipuan ataupun pemberian di dalam berbagai bentuk.

Tambahan lagi, kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah memberi jaminan kepada kita bahawa kita boleh terus menggunakan perkataan ‘Allah’ kerana ia sudah digunakan sejak turun temurun. Tetapi Putrajaya tetap menegaskan bahawa perkataan ini adalah khas untuk Islam sahaja. Kita tegaskan disini bahawa tidak kira apa pun yang Putrajaya ataupun mahkamah katakan ataupun lakukan, kita akan terus menggunakan perkataan ‘Allah’ seperti mana nenek moyang kita telah lakukan pada masa-masa dahulu.

Anak-anak negeri bukan sahaja menjadi mangsa politik Islam tetapi juga mangsa polisi-polisi ekonomi berasaskan kaum yang mana telah mengabaikan mereka dan merampas hak-hak yang diberikan oleh Allah kepada mereka sebagai Anak Negeri. Apa yang pada asalnya adalah tanah orang asal telah dicuri dan diberikan kepada mereka yang bukan orang asal. Hari ini kita menjadi miskin kerana kita tidak ada hak pun keatas tanah pusaka kita. Pendatang-pendatang asing yang mempunyai kad pengenalan yang tidak sah sekarang ini sedang menikmati lebih banyak hak dan keistimewaan daripada kita Anak Negeri tanah ini.

Ramai pendatang-pendatang asing telah membanjiri Sabah, kebanyakan mereka adalah pendatang haram dan beragama Islam. Dan sekali lagi, kita, Anak-Anak Negeri seolah-olah di dalam pembuangan di tanah kita sendiri dan kepentingan kita semakin lama semakin hilang! Sementara tangisan kita tidak kedengaran oleh mereka yang memegang kuasa, hari ini kita Mamangkis dan memohon kepada mahkamah Allah kita yang Maha Kuasa agar mendengar penderitaan kita.

Namun dengan kasih anugerah Allah, pemimpin-pemimpin bumiputera Kristian telah bangkit sebagai jurucakap dan gembala kita. Gerakan Mamangkis ini adalah pernyataan jelas yang dapat kita lihat. Mamangkis adalah permohonan kita kepada Allah kita Yang Maha Kuasa tanpa mengira denominasi dan ini telah menggalakkan sokongan yang kuat daripada saudara dan saudari kita dalam Kristus di Semenanjung. Kita tidak bersendirian, umat-umat Allah di seluruh negara ada bersama-sama dengan kita.

Gerakan Mamangkis ini bukan sahaja satu panggilan untuk bangkit ataupun laungan perang secara rohani, ia juga adalah satu panggilan untuk kembali kepada Allah. Ia adalah satu kempen kebangunan rohani yang hanya bermula pada bulan Disember yang lalu. Pada ketika kita bergerak dari satu bandar ke satu bandar dan dari satu kampung ke satu kampung untuk Mamangkis, kita juga akan mendedikasikan kembali diri kita dalam kekudusan di hadapan Allah dengan mendirikan mezbah yang daripada batu untuk mengingatkan kita tentang perjanjian yang kita akan buat dengan Allah kita bahawa kita akan menjadi umat-Nya. Kita telah mamangkis di Penampang, Ranau dan Nabawan serta kampung-kampung di sekitarnya.

Sebagai kesimpulan, mari kita Mamangkis untuk kebebasan beragama. Namun pada akhirnya perjuangan itu milik Allah. Kemenangan juga milik Allah. Oleh itu Mamangkis kita bukan sahaja laungan perang kita, ia juga adalah lagu kemenangan kita di dalam nama Tuhan dan Juruselamat kita Yesus Kristus. Hanya kepada-Nya kami berikan segala kemuliaan dan keagungan serta sembah kami yang tidak berkesudahan! AMEN.

Dirasmikan oleh Rev. Jensey Mojuin.

Kenyataan ini dikeluarkan oleh Perpaduan Anak Negeri (PAN) Sabah sempena perayaan "Mamangkis" yang diadakan di Gereja PCS Pitas, Sabah. Untuk maklumat lanjut sila hubungi ahli komiti PAN George Mikil 0138608285